

NO SOALAN : 247

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
(KEPONG)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan persediaan Angkatan Tentera Malaysia dalam menghadapi cabaran pertahanan Negara masa kini.

JAWAPAN:

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa memandang serius tentang isu pertahanan negara. Pelbagai persediaan dan usaha telah dan sedang diambil oleh ATM dalam memastikan pertahanan negara terus kukuh dan kedaulatannya akan terus terpelihara daripada sebarang bentuk ancaman dalam dunia moden masa kini.

Pertahanan dan keselamatan negara seperti yang digariskan dalam Dasar Pertahanan Negara bukan hanya bersandar kepada persediaan ATM sahaja tetapi ia turut melibatkan pembabitian secara menyeluruh dan bersepadu oleh pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan rakyat keseluruhannya.

Dalam menghadapi cabaran pertahanan negara masa kini, keupayaan ATM terus diperkukuh dan dipertingkatkan, dimana Kementerian menggariskan 5 Teras Hala Tuju yang perlu dicapai agar pertahanan negara terus kukuh.

Teras-teras tersebut adalah Kesiapsiagaan, Keselamatan, Kebajikan, Diplomasi Pertahanan dan PLKN 2.0. Isu keselamatan

dan pertahanan negara merupakan fokus utama yang diberikan perhatian di mana 3 daripada 5 Teras tersebut menjurus kepada pertahanan Negara iaitu Kesiapsiagaan, Keselamatan dan Diplomasi Pertahanan.

Persediaan dan keupayaan ATM terus diperkukuhkan mengikut rancangan Pelan Pembangunan Keupayaan Dimensi Keempat ATM atau dikenali sebagai *Fourth Dimension Malaysian Armed Forces* (4DMAF). Keutamaan pembangunan keupayaan ini bukan sahaja diberikan kepada aset dan kelengkapan yang mampu menangani ancaman keselamatan negara di bawah Rancangan Pembangunan Pertahanan Darat, Maritim dan Ruang Udara. Malah ia turut mengintegrasikan elemen *man, machine and method* di mana, keupayaan dan kesiagaan aset turut disepadukan dengan pembangunan modal insan yang berkualiti.